

PENDEKATAN *LITERATURE CIRCLE* DALAM PENULISAN CERITA BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 1

VIMONA A/P RENGGANATHAN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025**

PENDEKATAN *LITERATURE CIRCLE* DALAM PENULISAN CERITA
BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 1

VIMONA A/P RENGGANATHAN

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHSA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada²³ (hari bulan)..... Disember (bulan) 20..²⁵....

i. Perakuan pelajar :

Saya, VIMONA A/P RENGANATHAN, M20241001149, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENDEKATAN LITERATURE CIRCLE DALAM PENULISAN CERITA BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 1

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENDEKATAN LITERATURE CIRCLE DALAM PENULISAN CERITA BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 1

No. Matrik /:

M20241001149

Matric's No.:

Saya / I am: VIMONA A/P RENGGANATHAN

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

- Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
- Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
- Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons: _____

*Nota / *Notes:

- Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date:

Tarikh/Date:



PENGHARGAAN

Disertasi ini berjaya disiapkan hasil sokongan, bimbingan dan dorongan daripada pelbagai pihak. Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses penyiapan disertasi ini. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Ilangkumaran A/L Sivanandhan atas segala bimbingan, nasihat, pandangan yang membina serta kesabaran yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan disertasi ini. Ilmu, komitmen dan keprihatinan beliau amat saya hargai dan menjadikan sebagai panduan penting dalam memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Ucapan penghargaan yang amat istimewa saya tujukan kepada Guruji Sukamaran atas sokongan moral, bimbingan dan dorongan berterusan sepanjang pengajian ini, serta kepada suami tercinta, En. Thiagarajan atas kesabaran, pengorbanan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi yang menjadi sumber kekuatan dalam menghadapi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian. Seterusnya, saya juga ini merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya iaitu Mullay, Kala, Rajeswari, Anjalai, Puvaneswari dan rakan sekerja saya yang banyak membantu, memberi kerjasama berkongsi idea serta memberikan sokongan dan semangat sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Bantuan dan keprihatinan yang diberikan amat bermakna dan tidak akan dilupakan. Penghargaan ini turut ditujukan kepada ibu saya iaitu Pn. Tamil Selvi atas sokongan, doa dan keprihatinan yang sentiasa mengiringi perjalanan pengajian saya. Sokongan beliau memberikan ketenangan dan kekuatan dalam menghadapi tuntutan akademik dan tanggungjawab harian. Akhir sekali, penghargaan paling istimewa saya didedikasikan kepada arwah ayah tercinta saya En. Rengganathan. Walaupun beliau tiada sekarang, semangat, pengorbanan dan nilai kehidupan yang ditinggalkan menjadi inspirasi dan kekuatan saya dalam menamatkan pengajian ini. Kejayaan ini adalah sebahagian daripada tanda penghormatan dan ingatan abadi buat beliau. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan atas kekuatan, ketabahan dan peluang yang diberikan sepanjang perjalanan ini.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan pendekatan *Literature Circle* (LC) dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan bercerita Bahasa Tamil dalam kalangan murid menengah. Pendekatan LC diterapkan sebagai strategi pedagogi berpusatkan murid bagi menggalakkan pemikiran kreatif, interaksi aktif dan kolaboratif, serta penguasaan elemen naratif secara sistematik. Kajian ini melibatkan dua kumpulan iaitu Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan. Ujian Pra dan Ujian Pasca digunakan untuk menilai perubahan pencapaian murid, manakala pemerhatian dan temu bual dijalankan untuk mendapatkan data kualitatif mengenai penglibatan serta minat murid terhadap pendekatan LC. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kumpulan Rawatan mencatatkan peningkatan yang signifikan dalam aspek kreativiti, penguasaan struktur karangan, dan kejelasan idea berbanding Kumpulan Kawalan. Tahap penglibatan murid juga meningkat secara ketara apabila pendekatan LC digunakan, dengan majoriti murid menunjukkan minat tinggi terhadap aktiviti kumpulan dan individu. Analisis keseluruhan membuktikan bahawa pendekatan LC mampu menyokong keperluan pembelajaran abad ke-21 dan berpotensi digunakan sebagai strategi efektif dalam pengajaran penulisan kreatif Bahasa Tamil. Kajian ini turut mencadangkan penerapan LC secara lebih sistematik dalam PdP serta penyelidikan lanjutan untuk menilai keberkesanannya dalam kemahiran bahasa lain. Implikasinya, pendekatan LC berpotensi menjadi strategi pedagogi yang berkesan dalam mengatasi kelemahan murid dalam penulisan karangan bercerita serta selari dengan matlamat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kajian ini memberikan sumbangan signifikan kepada guru dalam memperkaya amalan pedagogi bilik darjah, kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkukuh dasar dan pelaksanaan kurikulum, serta kepada murid dalam usaha mempertingkatkan pencapaian dan kemahiran penulisan Bahasa Tamil.

Kata kunci: Literature Circle, penulisan karangan bercerita, kreativiti, Bahasa Tamil





The Effectiveness of the Literature Circle (LC) Approach in Developing Narrative Writing Skills in Tamil among Form One Students

ABSTRACT

This study was conducted to examine the effectiveness of the Literature Circle (LC) approach in enhancing students' ability to write Tamil narrative essays at the secondary school level. The LC approach was implemented as a learner-centred pedagogical strategy aimed at promoting creative thinking, active interaction, group collaboration, and systematic mastery of narrative components. This research involving two groups: the Control Group and the Treatment Group. Pre-test and Post-test assessments were used to evaluate students' performance gains, while classroom observations and interview provided qualitative insights into students' engagement and interest toward the LC approach. The findings indicate that the Treatment Group recorded significant improvements in creativity, narrative structure development, and clarity of ideas compared to the Control Group. Students' engagement levels also increased notably when LC was applied, with the majority demonstrating strong interest in both group and individual tasks.

Overall, the study confirms that the LC approach effectively supports 21st-century learning needs and has the potential to serve as a practical instructional strategy for teaching creative writing in Tamil. The study further recommends the systematic integration of LC in classroom practice and additional research to explore its effectiveness for other language skills. The findings indicate that the LC approach has strong potential as an effective pedagogical strategy to address students' weaknesses in narrative essay writing and is aligned with the objectives of the Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). This study makes a significant contribution to teachers by enriching classroom pedagogical practices, to the Ministry of Education Malaysia (MOE) by strengthening curriculum policy and implementation, and to students by enhancing their achievement and writing skills in the Tamil language.

Keywords: Literature Circle, narrative writing, creativity, Tamil language



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	
1.2.1	Kemahiran Menulis	2
1.2.2	Bahasa Tamil	4
1.2.3	Teknik <i>Literature Circle (LC)</i>	7
1.2.4	Karangan Cerita	10
1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	15
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.6.1	Kepentingan kepada Murid	16
1.6.2	Kepentingan kepada Guru	17
1.6.3	Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	17
1.7	Batasan Kajian	18
1.8	Definisi Operational	



1.8.1	Kemahiran Bertulis	19
1.8.2	Bahasa Tamil	20
1.8.3	Cerita	20
1.8.4	<i>Literature Circles</i> (LC)	21
1.9	Kerangka Teori Kajian	22
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.11	Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Kajian-kajian terdahulu	
2.2.1	Kemahiran menulis	26
2.2.2	<i>Literature Circle</i> dalam Pembelajaran	28
2.2.3	Pencapaian Murid dalam Cerita Tamil	30
2.2.4	Keberkesanan <i>Literature Circle</i> dalam Kesenambungan Cerita	33
2.2.5	<i>Literature Circle</i> dan Penguasaan Menulis Cerita	34
2.3	Teori	
2.3.1	Teori Naratif	35
2.3.2	Teori <i>Taxonomy</i>	36
2.3.3	Narasi	36
2.4	Kajian Tindakan	37
2.5	Rumusan	38

BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	40



3.3	Lokasi Kajian	44
3.4	Populasi Dan Sampel	
3.4.1	Populasi	44
3.4.2	Persampelan Kajian	46
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	48
3.6	Instrumen Kajian	48
3.6.1	Temubual	49
3.6.2	Ujian Pra	50
3.6.3	Ujian Pasca	50
3.6.4	Pemerhatian	51
3.6.5	Kajian Tindakan	52
3.7	Perbezaan Penganalisis Data Ujian Selepas Kajian Tindakan	
3.7.1	Penganalisis Ujian Pra Dan Pasca	56
3.8	Teori Naratif	63
3.9	Rumusan	64



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisa Respondan	66
4.2.1	Latar Belakang Guru Mengajar Mata pelajaran Bahasa Tamil	66
4.3	Mengenal Pasti Masalah Yang Dihadapi Oleh Murid Dalam Penulisan Cerita Bahasa Tamil.	
4.3.1	Apakah cabaran utama yang cikgu perhatikan ketika murid menulis cerita dalam Bahasa Tamil?	68
4.3.2.	Pada pendapat cikgu, bahagian manakah dalam penulisan cerita (pengenalan, masalah, perkembangan plot, klimaks, penyelesaian masalah, penutup) yang paling sukar bagi murid? Mengapa?	70





4.3.3	Sejauh manakah penguasaan tatabahasa Tamil murid mempengaruhi keupayaan mereka menulis cerita dengan baik?	72
4.3.4	Apakah jenis kesilapan yang paling kerap dilakukan murid ketika menulis cerita (contoh: kekangan kosa kata, struktur ayat, idea tidak tersusun)?	73
4.3.5	Bagaimanakah sikap, motivasi atau minat murid mempengaruhi kualiti penulisan cerita mereka?	74
4.3.6	Adakah murid menghadapi kesukaran untuk menjana idea cerita? Jika ya, apakah faktor yang menyumbang kepada situasi tersebut?	76
4.3.7	Bagaimanakah penggunaan bahan bantu mengajar (contoh: gambar rangsangan, model teks, video) membantu atau tidak membantu murid dalam penulisan cerita?	77
4.3.8	Pada pandangan cikgu, adakah isu perbezaan tahap penguasaan Bahasa Tamil antara murid mempengaruhi proses penulisan cerita di dalam kelas?	78
4.3.9	Apakah strategi atau amalan pengajaran yang cikgu pernah gunakan untuk membantu murid meningkatkan kemahiran menulis cerita? Adakah ia berkesan?	80
4.3.10	Apakah cadangan atau intervensi yang cikgu rasa paling sesuai untuk mengatasi masalah penulisan cerita dalam kalangan murid Bahasa Tamil?	81
4.4	Melaksanakan latihan penulisan karangan cerita menggunakan Teknik <i>Literature Circle</i> bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam kesinambungan cerita dengan teratur serta berkesan.	84
4.5	Mengenal pasti Keberkesanan pendekatan LC (<i>Literature Circle</i>) dalam menyelesaikan masalah kesinambungan cerita.	
4.5.1	Analisis Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	111
4.5.2	Analisis Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	112





4.5.3	Analisis Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Pasca Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan,	113
4.6	Rumusan	122

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	123
5.2	Rumusan Hasil Kajian	124
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	126
5.3.1	Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan Cerita Bahasa Tamil	127
5.3.2	Melaksanakan latihan penulisan karangan cerita menggunakan Teknik <i>Literature Circle</i> bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam kesinambungan cerita dengan teratur serta berkesan.	129
5.3.3	Mengenal pasti Keberkesanan pendekatan LC (Literature Circle) dalam menyelesaikan masalah kesinambungan cerita.	131
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	132
5.5	Rumusan	135

RUJUKAN		136
----------------	--	-----



**SENARAI JADUAL**

No Jadual		Muka Surat
1.2.3	Peranan Murid dalam Pendekatan <i>Literature Circle</i>	8
1.2.4	Standard kandungan dan pembelajaran karangan Terbuka	11
1.8.3	Penjelasan Proses pendekatan LC	21
3.1	Reka Bentuk kajian	41
3.2	Penganalisis Data Ujian Kawalan & Rawatan	43
3.4.2	Sampel Kumpulan	47
3.6.1	Latar Belakang Guru Temubual	49
3.6.3	Contoh Gred Karangan	51
3.6.4	Proses kajian tindakan dijalankan selama 5 minggu	55
3.6.5	Rancangan pengajaran	56
3.7.1	Perincian Pemarkahan Karangan	57
3.7.2	Sukatan bagi kemahiran penulisan Bahasa Tamil Tingkatan 1 KSSM	58
3.7.3	Tahap penguasaan Kemahiran Penulisan Karangan	58
3.7.4	Peringkat Pemarkahan dan kriteria masing- masing Bahasa Tamil Tingkatan 1 di KSSM	60
3.7.5	Penganalisis Perbezaan Data Ujian Pra dan Pasca	62
3.7.6	Format Terkini bagi peperiksaan Bahasa Tamil SPM 2022	62
3.11	Maklumat Demografi Guru	67
4.4.1	Permulaan Kajian Tindakan dengan Menyemak Pencapaian Ujian Pra.	84
4.4.2	Penganalisis Data Ujian Pra mengikut Kumpulan Kawalan dan Rawatan	85
4.4.3	Masalah Menulis Sebuah Karangan Bercerita	86
4.4.4	Aktiviti Hari 1	88
4.4.5	Tahap Penguasaan Aktiviti Hari 1	89





4.4.6	Aktiviti Hari Ke-2	90
4.4.7	Analisis Pencapaian Markah Menulis Karangan Aktiviti Hari Ke-2	91
4.4.8	Aktiviti Hari Ke-3	92
4.4.9	Tahap Penguasaan Aktiviti Hari Ke-3	94
4.4.10	Aktiviti Hari Ke-4	95
4.4.11	Analisis Pencapaian Markah Menulis Karangan Aktiviti Hari Ke-4	96
4.4.12	Aktiviti Hari Ke-5	97
4.4.13	Tahap Penguasaan Aktiviti Hari Ke-5	99
4.4.14	Aktiviti Hari Ke-6	100
4.4.15	Tahap Penguasaan Aktiviti Hari Ke-6	101
4.4.16	Aktiviti Hari Ke-7	102
4.4.17	Analisis Pencapaian Markah Menulis Karangan Aktiviti Hari Ke-7	103
4.4.18	Aktiviti Hari Ke-8	104
4.4.19	Aktiviti Hari Ke-9	105
4.4.20	Ujian Pasca	106
4.4.21	Masalah Mengatasi selepas Aktiviti Intervensi	107
4.4.22	Analisis Pemerhatian Penglibatan Murid Sepanjang Aktiviti Kajian Tindakan	109
4.5.1	Tahap Penguasaan Minat pelajar antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan.	111
4.5.2	Tahap Penguasaan penglibatan pelajar antara Kumpulan Kawalan dan Rawatan.	112
4.5.3	Jadual melaksanakan Ujian Pra dan Pasca serta Tajuk	114
4.5.4	Perbandingan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kumpulan Rawatan.	114
4.5.5	Perbandingan Keputusan Ujian pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan.	117





4.5.6

Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Pasca

119

Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan.



**SENARAI RAJAH****No Rajah****Muka Surat**

1.9	Kerangka Teori bagi Kajian Penulisan Karangan Bercerita	23
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	24
3.2	Kerangka Prosedur Kajian	43
3.3	Reaksi Populasi dan Sampel	45
3.6.5	Kajian Tindakan Menurut Stephen Kemmis (1986)	53
3.6.6	Proses Kajian Tindakan Menurut Lewim (1946) dan Laidlaw (1992)	54
3.8	Kerangka Model Konseptual Kajian	64
4.5.1	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan.	116
4.5.2	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan.	118
4.5.3	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Pasca antara Kumpulan kawalan dengan Kumpulan Rawatan.	120



**SENARAI SINGKATAN**

SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSU	Universiti Pendidikan Sultan Idris
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
BTSK	Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
UASA	Ujian Akhir Sesi Akademik
PASA	Peperiksaan Akhir Sesi Akademik
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
LC	Literature Circle (Lingkar Sastera)
EFL	English as a Foreign Language (Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing)
IOC	Inside-Outside Circle (Lingkar Dalam-Luar)
GBM	Guru Bahasa Melayu
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina





AR	Augmented Reality (Realiti Terimbuh)
ICT	Information and Communication Technology (Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK))
PdPc	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
MBK	Murid Keperluan Khas





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

A	Analisis Item Pencapaian PPT
B	Borang Temu bual
C	Borang Pemerhatian
D	Rancangan Pengajaran Harian
E	Analisis Pencapaian Ujian Pra dan Pasca
F	Tajuk Mingguan
G	Template LC





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Di Malaysia, Bahasa Tamil memegang peranan penting sebagai salah satu bahasa utama. Menurut Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 14 Februari 2022, masyarakat India 6.7% dari populasi Malaysia, iaitu sekitar 2.2 juta jiwa. Walaupun terdapat kelompok etnik India bukan Tamil seperti Telugu dan Malayali, majoriti daripada mereka tetap menggunakan bahasa Tamil dalam aktiviti membaca dan menulis. Sehubungan itu, bahasa Tamil menjadi bahasa yang lazim digunakan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia, sekali gus membuka peluang yang luas untuk mempelajarinya.





Penggunaan bahasa Tamil didukung kuat oleh sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa ini berfungsi sebagai bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang berjumlah 523 sekolah di seluruh negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Sekolah Tamil pertama di Tanah Melayu, yang didirikan pada tahun 1816, merupakan sebahagian dari Penang Free School di Pulau Pinang (Dhandayutham, 1973). Peranan sekolah-sekolah ini sangat krusial dalam memelihara dan mengembangkan bahasa Tamil di negara ini.

Selain itu, Bahasa Tamil ditawarkan sebagai mata pelajaran tambahan di peringkat sekolah menengah, sekali gus memberi peluang kepada murid untuk menduduki peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Jalur pendidikan ini berlanjut hingga universiti, di mana program pengajian Bahasa Tamil ditawarkan di institusi terkemuka seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Untuk memastikan keberlanjutan pengajaran, ada enam institusi pendidikan yang secara khusus melatih calon guru bahasa Tamil (Yokammal, 2008).

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Kemahiran Menulis

Terdapat 5 modul dalam KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Tiga daripada modul ini adalah mendengar dan bertutur, membaca, serta menulis adalah berasaskan empat kemahiran bahasa utama, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis (Rose Niza, 2023).





Bahan Latihan Penulisan ini menumpukan kepada keupayaan murid dalam penulisan perkataan serta kebolehan meluahkan idea melalui pelbagai bentuk penulisan. Bahan ini dirangka bagi membimbing murid membina ayat yang gramatis, menyusun idea secara teratur dan menghasilkan penulisan yang jelas serta berkesan. Melalui aktiviti yang sistematik dan berperingkat, bahan ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan murid serta mengukuhkan kemahiran menulis mereka. Para murid digalakkan untuk menggunakan frasa yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul dan menulis dengan jelas dan kemas. Selain itu, mereka digalakkan memanfaatkan pengetahuan sedia ada dan imaginasi untuk menjadi lebih kreatif. Kemahiran ini dapat dikuasai melalui pelbagai bahan seperti prosa, puisi dan bahan bergambar.

Menurut Zanariah et al. (2019), objektif pembelajaran bahasa bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 menekankan pelbagai aspek kemahiran berbahasa yang menyeluruh. Antara objektif utamanya ialah murid diharapkan dapat menulis dengan berkesan melalui penghasilan karangan berdasarkan rangka karangan yang disediakan serta keupayaan memproses maklumat daripada pelbagai sumber untuk menghasilkan penulisan yang padu. Selain itu, murid juga digalakkan menggunakan bahasa yang tepat dengan menulis ayat yang gramatis, menggunakan penanda wacana yang sesuai dan membetulkan kesalahan bahasa dalam teks. Di samping itu, aspek pemikiran kreatif dan kritis turut ditekankan, di mana murid digalakkan memahami dan menghayati karya sastera serta mencipta karya kreatif seperti skrip drama, puisi, dan cerita dengan penggunaan bahasa yang indah. Seterusnya, murid juga perlu berupaya menganalisis teks dengan menilai ketepatan pelbagai idea yang dikemukakan serta memahami maknanya secara terperinci.



Dalam dunia pendidikan masa kini, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) sangat ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Pendekatan ini berpusatkan murid, dengan memberi tumpuan kepada elemen penting seperti komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreatif, serta penerapan nilai moral dan etika. Ciri-ciri Utama PAK-21 adalah mengembangkan pemikiran kreatif, PAK-21 juga menggalakkan penggunaan gajet dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang terkini di dalam kelas.

Secara ringkasnya, PAK-21 adalah satu kaedah PdP yang berpusatkan murid, di mana guru menggunakan pendekatan yang bertujuan untuk membangunkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

1.2.2 Bahasa Tamil

Bahasa merupakan medium utama yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dan bertukar pendapat antara satu sama lain (Kamus Dewan Bahasa, 2016). Bahasa Tamil pula merupakan salah satu bahasa klasik dan purba yang paling banyak digunakan di dunia. Kemahiran berkomunikasi dalam bentuk lisan dan tulisan memainkan peranan penting dalam memperkukuh penguasaan bahasa Tamil.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang diperkenalkan pada tahun 2017 bagi peringkat menengah rendah merupakan kurikulum baharu

yang menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Menurut Mohamed Bin Abu Bakar (2017), pelaksanaan KSSM adalah selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, yang antara lain menekankan aspek peningkatan kualiti pencapaian murid sebagai salah satu daripada lima aspirasi utama sistem pendidikan negara. Kandungan KSSM dirangka untuk membantu mencapai matlamat tersebut dengan memperkukuh kualiti pendidikan secara menyeluruh.

Dalam sistem KSSM, murid mempelajari pelbagai mata pelajaran dan termasuk Bahasa Tamil yang merupakan subjek elektif di peringkat menengah. Subjek ini ditawarkan kepada murid yang mempunyai latar belakang pendidikan Tamil, terutamanya mereka yang pernah bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Sebagai bahasa warisan yang kaya dengan nilai budaya dan kesusasteraan, pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah berperanan penting dalam memupuk kecintaan terhadap bahasa ibunda, memperkukuh jati diri, serta mengekalkan warisan budaya masyarakat India di Malaysia.

Perubahan daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2017 turut memperkenalkan Bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan di Sekolah Kebangsaan melalui Program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK). Subjek ini diperuntukkan selama satu jam seminggu (DSKP, 2017), sekali gus memberi peluang kepada murid bukan aliran SJKT untuk mempelajari asas Bahasa Tamil.

Selain itu, buku teks Bahasa Tamil turut dinaik taraf bagi menepati keperluan pemikiran abad ke-21 di bawah sistem KSSM (DSKP, 2017). Berbanding KBSM, buku teks KSSM menampilkan kandungan, maklumat, serta reka bentuk yang lebih menarik dan relevan dengan konteks semasa. Penggunaan gambar dan warna yang sesuai bukan sahaja menarik minat murid, malah membantu mereka menjana idea dalam penulisan, khususnya dalam menghasilkan karangan berbentuk cerita.

Di peringkat sekolah menengah, murid berpeluang mempelajari Bahasa Tamil dari kelas peralihan hingga ke Tingkatan Enam. Subjek ini ditawarkan sebagai elektif dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Kurikulum dan buku teks disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Salah satu komponen penting dalam sukatan pelajaran Bahasa Tamil ialah penulisan karangan cerita, yang diajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Bahagian karangan memainkan peranan penting dalam peperiksaan kerana merangkumi markah yang tinggi. Sebagai contoh, dalam Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA), bahagian karangan menyumbang 40 markah, manakala dalam Peperiksaan Akhir Sesi Akademik (PASA) dan SPM, markah bahagian karangan kertas 1 menyumbang 100 markah. Oleh itu, penguasaan kemahiran menulis karangan amat penting bagi murid untuk mencapai kecemerlangan akademik.

Kebiasaannya, dalam kertas soalan menengah rendah, terdapat tiga soalan karangan di Bahagian E, termasuk satu karangan cerita yang membawa

40 markah. Manakala dalam peperiksaan SPM, karangan cerita biasanya muncul sebagai soalan kedua di Bahagian B Kertas 1 dan memperuntukkan 70 markah. Jenis karangan ini merupakan antara bentuk penulisan yang diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

1.2.3 Teknik *Literature Circle* (LC)

Dalam bidang kesusasteraan, lingkaran sastera (*Literature Circles*) merujuk kepada sekumpulan kecil murid yang bekerjasama untuk membincangkan sesuatu karya sastera secara mendalam berdasarkan pemahaman dan respons mereka terhadap bahan bacaan tersebut. Perbincangan ini berpusatkan murid, di mana mereka berbincang mengenai pelbagai aspek seperti watak, jalan cerita, gaya penulisan pengarang, serta mengaitkannya dengan pengalaman peribadi masing-masing.

Lingkaran sastera turut berperanan dalam menggalakkan pemikiran kritis dan refleksi, di mana murid digalakkan berfikir secara mendalam, menganalisis dan menilai bahan bacaan sambil memberikan pandangan mereka sendiri. Pendekatan ini juga menekankan kolaborasi dan pembinaan makna, apabila murid berinteraksi secara aktif dengan rakan pembaca lain untuk memperkukuh dan memperluas kefahaman mereka terhadap teks. Melalui perbincangan yang tersusun serta pelbagai bentuk respons sama ada secara lisan, bertulis, mahupun visual murid dapat mencapai pemahaman yang lebih mendalam terhadap karya sastera yang dibaca (Lei Ma et al., 2023).

Teknik ini berfungsi sebagai panduan dalam penulisan karangan terbuka. Melalui penggunaan teknik tersebut, pelajar dapat menulis karangan dengan lebih teratur dan menyiapkannya dalam masa yang diperuntukkan. Dalam peperiksaan selama dua jam, pelajar menengah rendah perlu menyiapkan lima bahagian soalan, dan hanya empat puluh lima minit diberikan khusus untuk bahagian karangan. Oleh itu, bagi memudahkan proses pengolahan idea dan penulisan, pelajar perlu menguasai pelbagai teknik penulisan karangan.

Untuk menghasilkan cerita yang berkualiti dan memenuhi ciri-ciri kecemerlangan, pelajar perlu mengetahui serta menggunakan teknik yang sesuai sebelum memulakan penulisan. Menurut Rose Niza, (2023), antara teknik yang boleh diaplikasikan untuk membantu murid menghasilkan karangan yang lengkap ialah teknik *Literature Circle*. Bahagian pengembangan cerita yang sama, guru disarankan mengajar murid teknik kesinambungan cerita dengan betul dan berkesan.

Dalam pelaksanaan lingkaran sastera, setiap murid diberikan peranan tertentu seperti:

Jadual 1.2.3

Peranan Murid dalam Pendekatan Literature Circle

Bil	Peranan	Tugas Utama	Penerangan Terperinci
1.	Pencatat (Note Taker)	Mencatat isi penting hasil perbincangan kumpulan.	Pencatat berfungsi merekod segala idea utama, pandangan rakan, serta isi penting yang muncul semasa perbincangan kumpulan. Catatan ini membantu ahli kumpulan mengekalkan fokus terhadap topik perbincangan dan menjadi rujukan



			apabila menulis cerita. Peranan ini melatih murid untuk mendengar dengan teliti, mengenal pasti maklumat penting, dan menyusun isi secara tersusun.
2.	Penghubung (Connector)	Mengaitkan isi cerita dengan pengalaman sebenar atau situasi kehidupan.	Penghubung bertanggungjawab mencari hubungan antara teks yang dibaca dengan dunia sebenar. Murid mengaitkan watak, peristiwa, atau nilai dalam cerita dengan pengalaman peribadi, isu semasa, atau budaya masyarakat. Peranan ini membantu murid memahami maksud tersirat teks serta membina pemikiran kritikal dan empati terhadap situasi yang dibincangkan.
3.	Pencerita (Summarizer)	Membuat rumusan tentang jalan cerita atau isi utama.	Pencerita merangkum jalan cerita secara padat dengan mengekalkan elemen penting seperti permulaan, konflik, klimaks, dan penyelesaian. Murid dilatih untuk mengenal pasti isi utama serta mengungkapkannya secara jelas dan logik. Peranan ini menggalakkan kemahiran memahami teks, menstruktur idea, dan menulis dengan urutan yang tersusun.
4.	Pemerhati Visual- Bahasa (Word & Visual Watcher)	Mengenal pasti kosa kata menarik dan mencipta ilustrasi untuk adegan utama.	Pemerhati Visual-Bahasa meneliti gaya bahasa, kosa kata, dan ungkapan menarik dalam teks. Mereka juga melukis atau menggambarkan adegan penting bagi membantu pemahaman visual kumpulan. Melalui peranan ini, murid diasah untuk menghargai keindahan bahasa, memperkaya perbendaharaan kata, serta mengekspresikan imaginasi melalui unsur visual dan linguistik.



Melalui penggunaan *Literature Circles*, guru Bahasa Tamil dapat membimbing murid untuk menghasilkan huraian isi karangan pada aras yang lebih tinggi dan berkualiti. Teknik ini membantu menjadikan perenggan isi karangan lebih padat serta kaya dengan maklumat yang relevan. Di samping itu, ia turut berfungsi bagi mengelakkan pengulangan isi atau huraian yang sama. Dengan adanya panduan ini, pelajar dapat menghuraikan isi utama dengan lebih mudah dan teratur. Selain itu, teknik *Literature Circles* juga membantu pelajar menyiapkan karangan cerita dengan berkesan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

1.2.4 Karangan Cerita

Karangan merupakan satu bentuk penulisan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, pendapat atau idea seseorang melalui tulisan. Di peringkat menengah rendah, karangan terbahagi kepada dua jenis utama, iaitu karangan berformat dan karangan tidak berformat (terbuka). Bagi karangan terbuka, terdapat tiga skop utama yang diperkenalkan kepada murid di peringkat menengah rendah.

Jadual 1.2.4

Standard Kandungan dan Pembelajaran Karangan Bercerita

Tingkatan	Karangan
Tingkatan 1	3.4.7 Menulis sebuah cerita dalam 140 patah perkataan (140 சொற்களில் கதை எழுதுவர்)
Tingkatan 2	3.4.14 Menulis sebuah cerita dalam 160 patah perkataan (160 சொற்களில் கதை எழுதுவர்)
Tingkatan 4	3.4.28 Menulis sebuah cerita dalam 220 patah perkataan (220 சொற்களில் கதை எழுதுவர்)
Tingkatan 5	3.4.36 Menulis sebuah cerita dalam 220 patah perkataan (250 சொற்களில் கதை எழுதுவர்)

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada karangan jenis cerita, iaitu standard kandungan 3.4.7. Bentuk karangan ini sebenarnya telah diperkenalkan sejak di peringkat sekolah rendah, namun murid masih menghadapi kesukaran untuk menghasilkan karangan yang berkualiti dan cemerlang. Menurut Nasir et al. (2023), penggunaan bahasa dalam komunikasi harian yang merupakan bahasa ibunda sering berbeza daripada bahasa standard yang digunakan dalam konteks pembelajaran formal di sekolah. Situasi ini turut dialami oleh murid Bahasa Tamil, di mana mereka cenderung menggunakan bahasa tidak rasmi atau bahasa percakapan dalam penulisan karangan. Keadaan tersebut menyebabkan murid gagal memperoleh markah yang tinggi kerana penggunaan bahasa yang kurang tepat dan huraian isi yang tidak jelas. Bagi mengatasi masalah ini, murid perlu diberikan lebih banyak peluang untuk menulis karangan secara berterusan. Namun demikian,

proses menghasilkan karangan memerlukan masa yang agak panjang dan bimbingan yang berkesan bagi membantu murid meningkatkan kemahiran menulis mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Bahagian karangan merupakan komponen yang amat penting dalam penilaian mata pelajaran Bahasa Tamil kerana ia menilai keupayaan pelajar berfikir secara kritis, mengembangkan idea serta menulis dengan berkesan. Namun begitu, hasil dapatan menunjukkan bahawa ramai pelajar masih gagal mencapai markah yang cemerlang dalam bahagian ini. Pelbagai faktor telah dikenal pasti menyumbang kepada keadaan tersebut, yang secara tidak langsung menjejaskan pencapaian keseluruhan pelajar dalam peperiksaan Bahasa Tamil serta memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik mereka secara umum. Hal ini demikian kerana bahagian karangan merangkumi peratusan markah yang tinggi berbanding dengan bahagian lain dalam kertas peperiksaan.

Dari sudut pandangan guru, bahagian karangan dianggap sebagai komponen utama dalam penilaian kerana ia menguji kebolehan pelajar mengolah idea, membina hujah dan menyusun penulisan dengan berkesan. Menurut Nazwa et al. (2024), proses penulisan yang efektif lahir daripada keupayaan penulis menyampaikan idea secara menarik dan mudah difahami oleh pembaca. Pelajar seharusnya mampu menzahirkan idea, pemikiran, pendapat dan perasaan mereka tentang pelbagai topik secara berkesan. Namun begitu, berdasarkan pandangan kebanyakan guru, ramai pelajar masih belum dapat memperoleh markah yang memuaskan dalam bahagian ini. Hasil pemerhatian



juga menunjukkan bahawa pelajar menghadapi pelbagai cabaran dalam menguasai kemahiran menulis karangan, khususnya dalam bentuk karangan perbahasan.

Analisis terhadap kertas soalan Bahasa Tamil Tingkatan 1 serta laporan mesyuarat dialog prestasi peperiksaan turut memperlihatkan bahawa sebahagian besar pelajar masih lemah dalam penulisan karangan. Kelemahan ini terserlah apabila ramai pelajar gagal mencapai markah cemerlang, iaitu antara 20 hingga 30 markah, malah ada yang tidak mencapai markah minimum untuk lulus mata pelajaran tersebut. Perbincangan guru dalam mesyuarat prestasi turut mengenal pasti pelbagai faktor yang menyebabkan pelajar sukar menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik.

Antara cabaran utama yang dihadapi pelajar termasuklah kurang memahami karangan cerita, ketidakupayaan membina hujah yang kukuh, kekurangan kosa kata, serta kekurangan latihan penulisan yang berfokus. Menurut kajian Aziezah R. K. (2022), faktor ini berpunca daripada kurangnya amalan menulis dan ketiadaan penggunaan media pembelajaran yang sesuai. Media pengajaran yang berkesan memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar dan meningkatkan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran.

Selain itu, kekurangan pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu topik karangan turut menyebabkan pelajar gagal mengembangkan idea dengan baik, sekali gus menjejaskan kualiti penulisan dan markah mereka (Mamat et al., 2021). Situasi ini turut disokong oleh dapatan Nasir et al. (2023) yang menyatakan bahawa kelemahan dalam pembelajaran bahasa sering berlaku walaupun bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda pelajar. Keadaan ini turut berlaku dalam kalangan pelajar Bahasa Tamil. Walaupun mereka menggunakan bahasa Tamil dalam komunikasi harian, namun gaya bahasa yang digunakan secara tidak formal berbeza daripada bahasa standard yang





diajar di sekolah. Perbezaan ini menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk menulis dengan betul dan tepat.

Berdasarkan isu-isu tersebut, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini dengan tujuan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar Tingkatan 1 dalam menulis karangan perbincangan Bahasa Tamil. Kajian ini juga bertujuan menilai keberkesanan penggunaan Pendekatan *Literature Circles* (LC) dalam membantu pelajar mengembangkan isi dengan lebih mendalam bagi menghasilkan karangan yang berkualiti dan cemerlang, serta membantu pelajar yang masih lemah dalam kesinambungan cerita secara sistematik.

1.4 Objektif Kajian



Objektif kajian ini adalah untuk mengesahkan Keberkesanan Pendekatan LC (*Literature Circle*) dalam Penulisan Cerita Bahasa Tamil Murid Tingkatan 1.

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk:

- I. Mengetahui masalah yang dihadapi oleh murid dalam penulisan Cerita Bahasa Tamil
- II. Melaksanakan latihan penulisan karangan cerita menggunakan Teknik *Literature Circle* bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam kesinambungan cerita dengan teratur serta berkesan.
- III. Mengenalpastikan keberkesanan pendekatan LC (*Literature Circle*) dalam menyelesaikan masalah kesinambungan cerita.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dijalankan adalah :

- I. Apakah tahap pencapaian murid dalam penulisan Cerita Bahasa Tamil?
- II. Bagaimanakah pendekatan LC (*Literature Circle*) dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap kesinambungan Cerita Bahasa Tamil?
- III. Sejauh manakah pendekatan LC (*Literature Circle*) berkesan dalam menyelesaikan masalah kesinambungan Cerita Bahasa Tamil?

1.6 Kepentingan Kajian

Dengan perubahan kurikulum yang berterusan dalam dunia pendidikan, adalah penting untuk memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai. Ini bagi memastikan murid dapat menguasai ilmu pengetahuan mengikut standard prestasi yang ditetapkan. Kajian ini penting kerana ia memberi tumpuan kepada kurikulum Bahasa Tamil. Standard pembelajaran Bahasa Tamil perlu berubah daripada kaedah tradisional kepada kaedah yang lebih menarik dan berkesan bagi merangsang minda murid ke arah pemikiran kreatif. Pengkaji berharap agar hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada beberapa pihak, seperti yang akan dijelaskan nanti, dengan memperkenalkan pendekatan pengajaran yang lebih inovatif.



1.6.1 Kepentingan kepada Murid

Kajian ini dijalankan untuk memahami dan menangani masalah kebingungan dan kecemasan yang dihadapi oleh murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima, khususnya dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil bagi peperiksaan tingkatan 1. Kajian ini bertujuan untuk memberikan panduan yang berguna kepada murid. Ia menekankan kepentingan kemahiran kreatif dalam menulis karangan cerita Bahasa Tamil yang berkualiti. Selain itu, kajian ini juga akan mendidik murid Tingkatan Lima mengenai pentingnya kesepaduan idea dalam penulisan mereka.

Hasil daripada kajian ini, karangan yang ditulis oleh responden akan dianalisis dan dikembalikan kepada mereka. Dengan ini, para murid yang merupakan calon tingkatan 1 dapat mengenal pasti kelemahan diri mereka.

Diharapkan, melalui penjelasan yang diberikan, mereka dapat berusaha untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir kreatif dalam penulisan karangan Bahasa Tamil. Peningkatan ini sangat penting untuk memastikan mereka dapat memperoleh markah yang tinggi dalam Peperiksaan Akademik sesi Akhir.

1.6.2 Kepentingan kepada Guru

Pendekatan pembelajaran melalui kaedah *Literature Circle* memberikan banyak manfaat kepada guru, terutamanya kerana proses pengajaran dan pembelajaran tidak lagi terhad di dalam bilik darjah. Dengan kaedah ini, sesi pembelajaran boleh berlangsung di mana-mana, menjadikan prosesnya lebih fleksibel.

Manfaat Kaedah *Literature Circle* kepada Guru dan Murid. Pengajaran yang Kreatif: Kaedah ini membolehkan guru menterjemahkan konsep pelajaran dengan lebih mudah dan lancar melalui pergerakan dan visual kreatif. Guru bahasa boleh melakukan penilaian sepanjang proses pembelajaran. Ini membantu mengukur penguasaan kemahiran bahasa dan merangsang domain kognitif murid, sekali gus menggalakkan mereka berfikir secara imaginatif. Pembelajaran Fleksibel Sesi pengajaran tidak lagi terikat dengan bilik darjah, membolehkan pembelajaran berlaku di pelbagai lokasi.

1.6.3 Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini turut memberikan manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memperkukuh pengajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah. Dapatan kajian ini boleh dijadikan asas rujukan oleh pihak kementerian untuk merancang program pembangunan kemahiran menulis karangan, khususnya dalam bahagian karangan perbahasan yang sering menjadi cabaran kepada pelajar. Hasil kajian ini juga dapat membantu dalam



memperkenalkan strategi baharu yang boleh diserapkan ke dalam kurikulum baharu tahun 2027. Sebagai contoh, buku teks boleh disertakan dengan panduan atau teknik mengulas isi karangan yang sesuai di bahagian latihan, memandangkan buku teks merupakan bahan bantu utama bagi pelajar dan rujukan penting bagi guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, berdasarkan dapatan kajian ini, KPM boleh mempertimbangkan untuk menganjurkan bengkel atau kursus penulisan berasaskan teknik *Literature Circle* kepada pelajar di pelbagai peringkat. Melalui bengkel ini, pelajar dapat mempelajari strategi penulisan yang lebih tersusun, sistematik dan menyeronokkan, sekali gus meningkatkan prestasi mereka dalam peperiksaan. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) juga boleh menganjurkan kursus latihan kepada guru bagi memperkenalkan pelbagai teknik mengulas isi karangan, termasuk teknik *Literature Circle* yang dibangunkan melalui kajian ini, agar dapat diaplikasikan secara meluas dalam proses pengajaran Bahasa Tamil.

1.7 Batasan Kajian

Pemilihan daerah Segamat sebagai lokasi kajian ini dibuat berdasarkan beberapa pertimbangan yang relevan dengan tujuan penyelidikan. Pertama, jumlah murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil di daerah ini adalah tidak terhad, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk menjalankan kajian berskala besar dan tidak terkawal. Kedua, daerah Segamat mempunyai kepelbagaian latar belakang sosioekonomi dan linguistik dalam kalangan pelajar, yang membolehkan penyelidik



menilai pelbagai tahap penguasaan kemahiran menulis karangan naratif. Ketiga, pemilihan ini juga didorong oleh akses dan kerjasama baik daripada pihak sekolah serta guru mengajar Bahasa Tamil yang memudahkan pelaksanaan kajian. Oleh itu, Segamat dipilih sebagai lokasi kajian bagi memastikan proses pengumpulan data dapat dijalankan dengan lebih sistematik, terkawal dan berfokus terhadap matlamat kajian.

1.8 Definisi Operasional

Berdasarkan konteks kajian yang diberikan, beberapa istilah utama perlu dijelaskan untuk memenuhi keperluan penyelidikan. Berikut adalah istilah-istilah tersebut:

1.8.1 Kemahiran Bertulis

Kemahiran menulis merupakan asas penting dalam pendidikan kerana berperanan sebagai alat pembelajaran dan komunikasi yang berpengaruh. Proses penulisan tidak berlaku sekali sahaja, tetapi memerlukan penambahbaikan berulang untuk mencapai mutu yang tinggi (Flower & Hayes, 1984; Graham & Perin, 2007). Penulisan juga dianggap sebagai proses kognitif dan metakognitif yang melibatkan strategi seperti perancangan idea, penggubalan draf, serta pemantauan dan penilaian hasil penulisan bagi memastikan kualiti yang optimum (Andrade, 1999; Schraw, 1998; Zimmerman, 1995).

1.8.2 Bahasa Tamil

Bahasa Tamil ialah salah satu bahasa klasik dalam keluarga Dravida yang digunakan secara meluas di Tamil Nadu, India Selatan, dan Sri Lanka. Selain itu, ia turut dituturkan oleh komuniti India di beberapa negara lain, termasuk Malaysia yang mempunyai kira-kira dua juta penutur. Bahasa ini menggunakan sistem tulisan *vaṭṭeḷuttu* yang berasal daripada keluarga Brahmin, dengan 247 huruf terdiri daripada 12 vokal, 18 konsonan, 216 gabungan konsonan-vokal, dan satu huruf khas *āyṭam*, di mana panjang dan pendek bunyi memainkan peranan penting dalam sebutan (Mahendran, 2014).

1.8.3 Cerita

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), cerita didefinisikan sebagai suatu kisah atau riwayat yang berkaitan dengan peristiwa atau kejadian tertentu. Menurut Andri Wicaksono (2017), yang merujuk kepada Kenney (1966), tema adalah maksud atau makna di sebalik sesebuah cerita.

“... theme is not the moral, not subject, not a “hidden meaning” illustrated by the story, what is it? Theme is the meaning, but it is not “hidden,” it is not illustrated. Theme is the meaning the story releases; it may be the meaning the story discovers. By the theme we mean the necessary implications of the whole story, not a separable part of a story”

“... Tema bukan nasihat, bukan subject, bukan sebuah “makna yang disembunyikan” dari cerita. Tema adalah makna manakala tidaha “disembunyikan”, tidak dilukiskan. Tema dalah makna yang tersirat; mungkin makna untuk mengetahui cerita. Dengan tema, kita memaknai implikasi penting dari keseluruhan cerita, bukan bagian yang dapat dipisahkan dari sebuah cerita.”

1.8.4 *Literature Circles (LC)*

Kemahiran menulis karangan merupakan antara kemahiran yang paling mencabar untuk dikuasai oleh murid. Pendekatan LC memainkan peranan penting dalam membantu murid menghasilkan cerita yang berkesan. Pelbagai kaedah dan strategi telah digunakan oleh pendidik bagi meningkatkan kefahaman serta kemahiran menulis dalam kalangan murid (Jaya Dwi Putra, 2017).

Jadual 1.8.3

Penjelasan Proses Pendekatan LC


Role (Peranan)	Description (Penerangan dalam Bahasa Inggeris)	Terjemahan (Penerangan dalam Bahasa Melayu)
Discussion Director	Leads the group discussion, keeping the group on task and posing thought-provoking questions about the text.	Mengetuai perbincangan kumpulan, memastikan kumpulan kekal fokus dan mengemukakan soalan yang mencetuskan pemikiran tentang teks.
Summarizer	Provides a brief summary of the reading, highlighting key points and sometimes including a prediction for what will happen next.	Memberikan ringkasan pendek tentang bahan bacaan, menekankan isi penting dan kadangkala membuat ramalan tentang apa yang akan berlaku seterusnya.
Word Wizard	Finds and shares challenging vocabulary words from the text, explaining their definitions and significance.	Mencari dan berkongsi perkataan sukar daripada teks serta menerangkan maksud dan kepentingannya.
Connector	Helps the group make connections between the book	Membantu kumpulan menghubungkan isi buku dengan

	and their own lives, other books, or current events.	kehidupan sendiri, buku lain, atau peristiwa semasa.
Illustrator	Creates a drawing, sketch, or diagram related to a scene, character, or idea from the reading to share with the group.	Melukis gambar, lakaran, atau rajah yang berkaitan dengan adegan, watak, atau idea daripada bacaan untuk dikongsi dengan kumpulan.
Literary Luminary (or Passage Picker)	Selects important or beautifully written passages to share and discuss, sometimes reading them aloud.	Memilih petikan penting atau yang ditulis dengan indah untuk dikongsi dan dibincangkan, kadangkala membacanya dengan kuat.
Investigator (or Researcher)	Finds and shares background information about the book's setting, time period, or other relevant topics.	Mencari dan berkongsi maklumat latar belakang tentang tempat, masa, atau topik lain yang berkaitan dengan buku.
Checker	Ensures that all group members have completed their reading and participates in the discussion.	Memastikan semua ahli kumpulan telah menyiapkan bacaan mereka dan turut serta dalam perbincangan.

1.9 Kerangka Teori Kajian

Pengkaji juga digunakan formula ini untuk melaksanakan kajian tindakan beliau dan menguasai objektif kajian yang kedua dan ketiga. Pengkaji juga menggunakan teori *taxonomy* untuk menganalisis, mensintesis, mengetahui dan menilai isi semasa merancang atau membentuk cerita yang berkualiti dengan ayat, tatabahasa, kesinambungan dengan baik.

Rajah 1.9. Kerangka Teori bagi Kajian Penulisan Karangan Bercerita




1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 menunjukkan hubungan antara kaedah Literature Circle dengan kemahiran menulis karangan pelajar. Kaedah Literature Circle digunakan untuk membantu pelajar berfikir secara kreatif dan meningkatkan kemampuan mereka menulis karangan dengan lebih baik. Melalui perbincangan kumpulan, pelajar dapat berkongsi idea, memperkaya kosa kata dan membina struktur karangan yang lebih tersusun. Peningkatan dalam tahap pemikiran kreatif ini dijangka dapat mempengaruhi pencapaian atau prestasi pelajar

dalam penulisan karangan. Oleh itu, Literature Circle berperanan sebagai pendekatan yang memberi kesan positif terhadap kemahiran menulis dan prestasi pelajar secara keseluruhan.

Rajah 1.10. Kerangka Konseptual Kajian



1.11 Rumusan

Hasil kajian ini membantu guru Bahasa Tamil di sekolah menengah mengenal pasti kelemahan murid dalam aspek rima, tatabahasa, ejaan dan penulisan ayat yang tidak koheren, seterusnya merancang pengajaran yang lebih berkesan untuk memperbaiki penulisan karangan. Kajian ini turut memberi manfaat kepada pereka kurikulum dengan menekankan kepentingan kemahiran berfikir kreatif dalam penulisan, kepada penulis buku teks untuk menghasilkan bahan yang menumpukan kepada penulisan koheren, serta kepada sistem pendidikan secara keseluruhan dengan mencadangkan penambahbaikan kurikulum Bahasa Tamil di semua peringkat bagi menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi.